

SILAT POLIS KEBANGSAAN

Sabah tidak sertai

29 JAN 1988

POLIS Sabah tidak akan menyertai Kejohanan Seni Silat/Karate Polis Kebangsaan di Kuala Lumpur, bermula esok kerana kesuntukan masa.

Kegagalan pasukan itu untuk menyertai kejohanan berkenaan pada kali ini menghampakan ahli-ahli seni mempertahankan diri terbabit yang begitu mengharapkan penyertaan sejak tahun lalu.

Ketua jurulatihnya, James Lo, menjelaskan pasukan itu menarik diri pada saat-saat akhir kerana bertembung dengan Kejohanan Seni Silat/Karate Polis Sabah.

"Penganjur di peringkat kebangsaan tidak memberitahu kami lebih awal mengenai tarikh kejohanan itu," katanya.

Menurut Lo, pihaknya cuma diberitahu mengenai kejohanan itu setelah tarikh kejohanan di Sabah ditetapkan pada Sabtu dan Ahad ini.

Sementara itu, 180 peserta dari 11 pasukan polis daerah di Sabah dan Persatuan Karate Sabah (SKA) dijangka menyertai Kejohanan Seni Silat/Karate Polis Sabah yang kedua di Dewan Polis Kepayan, bermula esok.

Empat daripada peserta itu ialah pemenang pingat gangsa Asia Pasifik, Julian Chin; pemenang pingat gangsa Sukan Sea, Johnny Chong; pemenang bahagian heavy weight kebangsaan, Loh Beng Hooi dan pemenang bahagian 70-75 kg kebangsaan, Dennis Chin.

Pengerusi penganjur kejohanan, Simon Chin, berkata 16 acara akan dipertandingkan dalam kejohanan itu, termasuk acara terbuka untuk orang ramai.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Syed Othman Syed Ali, akan merasmikan pembukaan kejohanan itu manakala penutupannya oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Wilfred Bumburing, katanya.

Menurutnya, pasukan Sandakan dan Keningau dijangka memberi saingan kepada juara bertahan tahun lalu, Ibu Pejabat Polis Komponen Sabah.

"Diharapkan kejohanan kali ini dapat menghasilkan lebih ramai pemain handal yang terdiri di kalangan anggota polis untuk mewakili negeri pada kejohanan di peringkat kebangsaan," katanya.

Persisi: Beberapa jawatan baru akan diperkenal

16 FEB 1988

BEBERAPA jawatan baru dalam perlembagaan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akan dikenalkan dalam Mesyuarat Agung persatuan tersebut esok.

Menurut Presiden Persisi, Haji Abdul Rahim Dayan, dalam mesyuarat yang akan diadakan di Rumah Silat di Kallang mulai 2 petang, jawatan seperti penaung, penasihat, dua timbalan presiden dan satu naib presiden serta dua penolong setiausaha akan dilantik di kalangan calon-calon yang terpilih.

Penambahan perlantikan tersebut, kata Haji Rahim, dirasakan perlu memandangkan perkembangan seni silat yang semakin rancak di sini.

Ia juga diharapkan dapat membantu menyelaraskan beberapa projek yang bakal dipersejui dalam mesyuarat itu nanti.

Beliau berkata kami hanya menenden dan seorang setiausaha yang orang penolong, naga yang ada mencukupi untuk projek-projek dangkan silat ke taraf antara

Antara projek akan diadakan jika dipersetujui mesyuarat agung suklah Pesta turut melibatkan gara Eropah Nasional yang akan pada Ogos ini.

Haji Rahim memimpin bertenaga akar dalam per akan datar an presid mengganti

Silat sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor

GABUNGAN Silat Negeri Selangor akan menganjurkan Kejuaraan Seni Silat Terbuka lelaki dan perempuan berumur 16 tahun ke atas di Padang Sultan Sulaiman Klang pada 13 Mac ini jam 9 pagi.

Kejuaraan itu sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor ke-62. Ia bertujuan mencari 10 peserta terbaik mewakili negeri ini ke pertandingan silat peringkat kebangsaan.

Setiausaha gabungan, Khalid Haji Osman berkata, lebih 50 pasukan silat dijangka mengambil bahagian dalam kejohanan itu yang dibahagikan kepada tiga kategori — perseorangan, main tangan kosong dan main senjata bukan asli.

Kejohanan diadakan dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (MKNS).

Selain hadiah untuk pemenang pemenang pertama dan kedua setiap kategori, ia juga menawarkan hadiah piala pusingan kepada pesilat terbaik dan regu terbaik keseluruhan.

Pertubuhan yang ingin menyertai kejohanan ini boleh mendapatkan borang dan keterangan daripada persatuan silat daerah masing-masing atau kepada Penolong Setiausaha gabungan, Idris Johari di Pejabat Orang Besar Daerah Klang, Tingkat Satu, Bangunan Pejabat Kerajaan, Pejabat Daerah 41000 Klang, telefon 3328481 (pejabat). Tarikh tutup ialah 6 Mac ini.